



SIARAN MEDIA

MENTERI KPKT SINGGAH SAHUR BERSAMA ANGGOTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

KUALA LUMPUR, 4 Mac 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) mencipta sejarah menjadi Menteri KPkt pertama yang singgah sahur bersama anggota bomba sempena bulan Ramadan yang mulia.

YB KM telah berkunjung ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur awal pagi tadi bagi menyantuni 108 orang anggota bomba yang bertugas di balai tersebut sempena Program Singgah Sahur. Turut serta bersama beliau ialah Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), YAS. Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad.

Program Singgah Sahur ini bertujuan untuk menyantuni dan menghargai anggota JBPM yang bertugas sepanjang Ramadan. Ia juga merupakan satu penghargaan dan solidariti Kerajaan MADANI bersama pasukan Wira Merah di seluruh negara yang sentiasa bersiap sedia memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat tanpa mengira waktu.

Dalam ucapannya pagi ini, YB KM turut merakamkan penghargaan kepada seluruh anggota bomba dan ahli pasukan bomba sukarela yang setia berkhidmat sepanjang masa khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti. Beliau turut menekankan kepentingan sokongan kerajaan dalam memperkasakan keupayaan JBPM melalui penyediaan kelengkapan moden, latihan berkualiti serta kebajikan anggota bomba.

Dalam kunjungan tersebut, YB Menteri telah beramah mesra dengan anggota bomba BBP Jalan Hang Tuah. Beliau turut menyertai anggota bomba dalam penyediaan juadah sahur iaitu memasak telur dadar, kari kambing, roti arab dan membancuh teh tarik seterusnya bersahur bersama mereka.

Kehadiran YB Menteri memberikan suntikan semangat kepada para anggota yang komited dalam menjalankan tugas menyelamat dan membantu masyarakat, terutama dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Program Singgah Sahur ini bukan sahaja menjadi platform untuk mendekati anggota bomba, malah mengukuhkan hubungan antara kepimpinan KPKT dan JBPM dengan warga penyelamat yang menjadi barisan hadapan dalam menangani kecemasan serta bencana di seluruh negara.

KPKT dan JBPM akan terus komited dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan anggota bomba dipelihara, selaras dengan usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI

#Ihsan

#StrongerTogether

#UnityInDiversity

#DemiPertiwi

#MADANIBekerja

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

